

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang paling sesuai.

kita
mereka

kami
baginda

beliau
dia

patik
kamu

kalian
-nya

- 1 "Ampunkan _____, tuanku," sembah Paduka Bendahara kepada Sultan Ismail.
- 2 Saban hari _____ disajikan dengan isu kemalangan jalan raya melalui media massa, media cetak dan perbincangan di institusi pengajian tinggi, Parlimen dan warung-warung kopi.
- 3 Ketua Pengarah Pendidikan Johor akan merasmikan Program Nilam pada petang ini. _____ dijangka tiba sebentar lagi.
- 4 Wee Ling dan Xuan Yin berkawan baik. _____ mempunyai kegemaran yang sama.
- 5 "Jika _____ ada masa lapang, jemputlah datang ke rumah saya," kata Allen kepada Alice.
- 6 "_____ sekeluarga akan bercuti di Sarawak pada cuti sekolah akan datang," kata Malek kepada gurunya.
- 7 _____ merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat.
- 8 Petani itu membajak sawah _____ setiap hari.
- 9 "_____ harus berkumpul di Dewan Budaya tepat pada pukul 8:00 pagi," kata Cikgu Chen kepada murid-muridnya.
- 10 Azwan tidak hadir ke sekolah kerana _____ demam.

Tahap Penguasaan:

☐

Tandatangan Guru: _____

Tarikh: _____

Praktis DSKP 4

Garisi kata ganti nama diri yang paling sesuai.

- 1 "_____ (Saya, Beta) berharap agar rakyat mengutamakan persekitaran yang bersih," titah Sultan Abdullah.
- 2 "_____ (Dia, Kami) tidak mahu bertolak ansur dengan kawan-kawannya," kata Zaidi.
- 3 Para murid di sekolah _____ (kita, kami) digalakkan menggunakan komputer untuk mencari maklumat tentang kerja kursus Geografi itu.
- 4 Budi yang kamu taburkan akan _____ (saya, kalian) kenang selagi hayat dikandung badan.
- 5 Kamal dan Sutha lewat datang ke rumah Ali. _____ (Kita, Mereka) telah tersesat jalan.
- 6 _____ (Kita, Kami) hendaklah sentiasa mematuhi peraturan di jalan raya agar tidak berlaku kemalangan.
- 7 Sejak kecil, Nami sememangnya rajin belajar. _____ (Beliau, Dia) kini melanjutkan pelajaran di luar negara.
- 8 Leftenan Adnan merupakan perwira negara. Jasa _____ (dia, beliau) masih dikenang sehingga kini.

Tahap Penguasaan:

☐

Tandatangan Guru: _____

Tarikh: _____